

29 MAY 1998

Mokhtar-Umno

ANGGOTA UMNO DIMINTA JANGAN JADI JAGUH KAMPUNG

KEMAMAN, 29 Mei (Bernama) -- Anggota Umno diingatkan supaya tidak menjadi `jaguh kampung' sebaliknya mereka perlu menunjukkan kemampuan kepimpinan mereka di peringkat dunia seperti yang dicapai oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pengerusi Perhubungan UMNO negeri Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad berkata, adalah merugikan sekiranya laluan yang telah dirintis oleh presiden Umno itu di peringkat dunia tidak diisi oleh kepimpinan Umno yang sedia ada.

"Ia merupakan bukti bahawa bangsa Melayu juga mampu bersaing dengan orang lain di dunia ini," katanya ketika berucap merasmikan Konvensyen Umno Kemaman di Pusat Pupuk Semangat, Kemaman malam tadi.

Beliau yang juga anggota Majlis Tertinggi (MT) berkata, selain itu anggota Umno juga mesti mempunyai perjuangan yang tulin dan ikhlas kepada parti dan tidak mengharap upah balasan apabila melakukan sesuatu khidmat.

Sekiranya dalam setiap hal anggota Umno hanya mengira untung dan rugi, ia bukanlah satu perjuangan.

Menteri Besar itu juga berkata kegawatan ekonomi sekarang menuntut setiap anggotanya bersatu dalam pemikiran, halatuju dan tenaga bagi menghadapi penjajahan dalam bentuk baru iaitu spekulasi mata wang.

Oleh itu, semua anggota diingatkan supaya tidak bertelagah kerana ia akan mewujudkan ruang kelemahan dan ruang inilah yang akan diambil kesempatan oleh musuh luar bagi memporak-perandakan parti, katanya.

Anggota Umno juga perlu membuat satu gerakan perubahan sikap dengan pembinaan idealisme perjuangan, penghapusan sepenuhnya amalan politik wang, mengukuhkan kemesraan dan persaudaraan, katanya.

Konvensyen itu yang akan berakhir hari ini disertai lebih 300 perwakilan Umno Bahagian Kemaman. -- BERNAMA

SBS PR